



22 Disember 2017  
22 December 2017  
P.U. (A) 403

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN) (PINDAAN) 2017

*INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF  
FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION)  
(AMENDMENT) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) (Pindaan) 2017.**

**Pindaan kaerah 3**

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016 [P.U. (A) 355/2016], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaerah 3(1) dengan menggantikan takrif “Standard” dengan takrif yang berikut:

‘ “Standard” erti Standard Pelaporan Bersama yang dinyatakan dalam Standard Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-Hal Percukaian yang diluluskan oleh Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.’.

**Kaedah baharu 3A**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaerah 3 kaerah yang berikut:

**“Pemakaian Standard**

3A. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, Standard hendaklah terpakai secara konsisten dengan Ulasan kepada Standard Pelaporan Bersama yang dinyatakan dalam Standard Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dalam Hal-Hal Percukaian yang diluluskan oleh Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.”.

#### **Pindaan kaedah 4**

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (4), dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah yang berikut:

“(4) Akaun Kewangan yang disebut dalam subkaedah (1) tidak termasuk apa-apa Akaun Dikecualikan—

(a) sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan C(17)(a) hingga (f) Seksyen VIII Standard; dan

(b) sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan C(17)(g) Seksyen VIII Standard dan yang disenaraikan sebagai Akaun Dikecualikan dalam Jadual 2 Kaedah-Kaedah ini.”;

(b) dalam subkaedah (5), dengan menggantikan perkataan “Jadual ialah tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual” dengan perkataan “Jadual 1 ialah tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang (3)”;

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (10) subkaedah yang berikut:

“(11) Bagi maksud untuk mengguna pakai tatacara usaha wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen II hingga VII Standard, “Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor” yang dinyatakan dalam subperenggan D(4) Seksyen VIII Standard adalah mana-mana wilayah bidang kuasa selain dari Malaysia.”.

### **Pindaan kaedah 7**

5. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—
- (a) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “setakat penutupan akaun” dengan perkataan “penutupan akaun”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subkaedah (5) subkaedah yang berikut:
- “(5A) Bagi maksud kewajipan pelaporan yang dinyatakan dalam Seksyen I Standard, “Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor” yang dinyatakan dalam subperenggan D(4) Seksyen VIII Standard adalah wilayah bidang kuasa yang terdapat dalam senarai Wilayah Bidang Kuasa Kena Lapor yang ditentukan dan disiarkan oleh Ketua Pengarah.”.

### **Kaedah baharu 13**

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 12 kaedah yang berikut:

#### **“Peruntukan khas bagi pelaporan Akaun Individu Sedia Ada**

13. Bagi maksud subkaedah 7(1), Institusi Kewangan Pelapor hendaklah mengemukakan penyata maklumat kepada Ketua Pengarah berhubung dengan tiap-tiap Akaun Individu Sedia Ada yang dikenal pasti oleh Institusi Kewangan Pelapor itu sebagai Akaun Kena Lapor yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor itu pada atau sebelum tarikh yang berikut:

- (a) 31 Julai 2018 bagi Akaun Nilai Tinggi; dan
- (b) 31 Julai 2019 bagi Akaun Nilai Rendah.”.

### **Pindaan Jadual**

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan tajuk Jadual dengan tajuk “JADUAL 1”.

### **Jadual baharu 2**

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas JADUAL 1 Jadual yang berikut:

“JADUAL 2  
[Perenggan 4(4)(b)]

### ***Akaun Dikecualikan***

Bagi maksud Standard, Akaun Dikecualikan adalah seperti yang berikut:

- (a) Suatu akaun depositori yang merupakan akaun dorman (selain Kontrak Anuiti)—
  - (i) dengan baki tidak melebihi USD1000.00;
  - (ii) jika pemegang akaun tidak pernah memulakan transaksi berkenaan dengan akaun itu atau apa-apa akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun itu dengan Institusi Kewangan Pelapor dalam tempoh tiga tahun terdahulu;
  - (iii) jika pemegang akaun tidak berhubung dengan Institusi Kewangan Pelapor mengenai akaun itu atau apa-apa akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun itu dengan Institusi Kewangan Pelapor dalam tempoh enam tahun terdahulu; dan
  - (iv) berhubung dengan Kontrak Insurans Nilai Tunai, jika Institusi Kewangan Pelapor tidak berhubung dengan pemegang akaun mengenai akaun itu

atau apa-apa akaun lain yang dipegang oleh pemegang akaun itu dengan Institusi Kewangan Pelapor dalam tempoh enam tahun terdahulu; atau

- (b) Akaun sekuriti yang merupakan akaun dorman di bawah peraturan 26.10 Peraturan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd.”.

Dibuat 19 Disember 2017

[Perb.0.6869/47(SJ.14)(SK.3)(3); LHDN.01/10.5-1/61-11; PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

## INCOME TAX ACT 1967

### INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION) (AMENDMENT) RULES 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(c) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

#### **Citation**

1. These rules may be cited as the **Income Tax (Automatic Exchange of Financial Account Information) (Amendment) Rules 2017**.

#### **Amendment of rule 3**

2. Income Tax (Automatic Exchange of Financial Account Information) Rules 2016 [P.U. (A) 355/2016], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in subrule 3(1) by substituting for the definition of “Standard” the following definition:

‘ “Standard” means the Common Reporting Standard set out in the Standard for Automatic Exchange of Financial Account Information in Tax Matters approved by the Council of the Organisation for Economic Co-operation and Development as amended from time to time.’.

#### **New rule 3A**

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 3 the following rule:

#### **“Application of Standard**

3A. For the purposes of these Rules, the Standard shall be applied consistently with the Commentaries on the Common Reporting Standard set out in the Standard for Automatic Exchange of Financial Account Information in Tax Matters approved by the Council of the Organisation for Economic Co-operation and Development as amended from time to time.”.

**Amendment of rule 4**

4. Rule 4 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (4), by substituting for subrule (4) the following subrule:

“(4) The Financial Account referred to in subrule (1) shall not include any Excluded Account—

(a) as defined in subparagraph C(17)(a) to (f) of Section VIII of the Standard; and

(b) as defined in subparagraph C(17)(g) of Section VIII of the Standard and listed as an Excluded Account in Schedule 2 to these Rules.”;

(b) in subrule (5), by substituting for the words “the Schedule shall be the dates specified in column (3) of the Schedule” the words “Schedule 1 shall be the dates corresponding against it as specified in column (3)”;

(c) by inserting after subrule (10) the following subrule:

“(11) For the purposes of applying the due diligence procedure as specified in Sections II to VII of the Standard, “Reportable Jurisdiction” stated in subparagraph D(4) of Section VIII of the Standard shall be any jurisdiction other than Malaysia.”.

**Amendment of rule 7**

5. Rule 7 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (2), by substituting for the words “as at the closure of the account” the words “the closure of the account”; and

(b) by inserting after subrule (5) the following subrule:

“(5A) For the purposes of the reporting obligation as specified in Section I of the Standard, “Reportable Jurisdiction” stated in subparagraph D(4) of Section VIII of the Standard shall be those jurisdictions contained in a list of Reportable Jurisdictions determined and published by the Director General.”.

### **New rule 13**

6. The principal Rules are amended by inserting after rule 12 the following rule:

#### **“Special provision for reporting of Preexisting Individual Accounts**

13. For the purposes of subrule 7(1), a Reporting Financial Institution shall furnish an information return to the Director General in relation to every Preexisting Individual Account identified by the Reporting Financial Institution as a Reportable Account that is maintained by the Reporting Financial Institution on or before the following dates:

(a) 31 July 2018 for a High Value Account; and

(b) 31 July 2019 for a Low Value Account.”.

### **Amendment of Schedule**

7. The principal Rules are amended by substituting for the heading of the Schedule the heading “SCHEDULE 1”.

### **New Schedule 2**

8. The principal Rules are amended by inserting after SCHEDULE 1 the following Schedule:

“SCHEDULE 2  
[Paragraph 4(4)(b)]

***Excluded Accounts***

For the purposes of the Standard, Excluded Accounts are as follows:

- (a) A depository account which is a dormant account (other than an Annuity Contract)—
  - (i) with a balance that does not exceed USD1000.00;
  - (ii) where the account holder has not initiated a transaction with regard to the account or any other account held by the account holder with the Reporting Financial Institution in the previous three years;
  - (iii) where the account holder has not communicated with the Reporting Financial Institution regarding the account or any other account held by the account holder with the Reporting Financial Institution in the previous six years; and
  - (iv) in relation to a Cash Value Insurance Contract, where the Reporting Financial Institution has not communicated with the account holder regarding the account or any other account held by the account holder with the Reporting Financial Institution in the previous six years; or
- (b) A securities account which is a dormant account under rule 26.10 of the Rules of Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd.”.

Made 19 December 2017

[Perb.0.6869/47(SJ.14)(SK.3)(3); LHDN.01/10.5-1/61-11; PN(PU2)80/LXXXVIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*